

RM84.1j bendung banjir kilat

DBKL selenggara perparitan, memperdalamkan sungai, bina tebatan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan RM84.1 juta untuk kerja perparitan dan penyelenggaraan sungai dalam Bajet 2012, khusus bagi menangani masalah banjir kilat yang kerap berlaku di ibu kota.

Daripada jumlah itu, RM4.25 juta diperuntukkan khusus bagi projek tebatan banjir serta memperbaiki tebing sungai, memperdalamkan ukuran sungai serta kerja pembersihan sungai dan kolam takungan.

Datuk Bandar, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail, berkata sembilan projek membina dan membaiki kolam takungan serta rumah pam di sekitar bandar raya turut dijalankan bagi memulihkan saliran air beberapa sungai menjadi lebih baik.

“Pengurusan masalah banjir turut diserahkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), jadi DBKL akan menjalankan tugas sebaik mungkin termasuk membuat kerja pembersihan sungai dan memantau semua projek pembangunan dijalankan pemaju tidak mengganggu saliran dan longkang yang boleh



Pengurusan masalah banjir turut diserahkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), jadi DBKL akan menjalankan tugas sebaik mungkin termasuk membuat kerja pembersihan sungai dan memantau semua projek pembangunan dijalankan pemaju tidak mengganggu saliran dan longkang yang boleh menyebabkan banjir



Ahmad Fuad Ismail
Datuk Bandar Kuala Lumpur

menyebabkan banjir.

“Bagi kes banjir kilat membabitkan Sungai Bonus, dimaklumkan JPS sudah membuka tender RM20 juta bagi membaiki dua kolam takungan di Air Panas dan Setapak Jaya bagi memperlahankan aliran air sungai memasuki sungai itu.

“Satu saliran lencongan juga akan dibuat bagi mengalirkan air Sungai



Bonus ke Tasik Titiwangsa sebelum disalurkan ke Sungai Gombak dan JPS akan membawa perkara ini kepada mesyuarat Kabinet secepat mungkin,” katanya ketika pembentangan Bajet DBKL 2012 di Menara DBKL, di sini, semalam.

Secara keseluruhannya, RM2.303 bilion diperuntukkan melalui bajet itu, iaitu RM1.378 bilion bagi perun-

tukan mengurus dan RM925.27 juta untuk peruntukkan pembangunan.

Sementara itu, katanya, DBKL akan membangunkan beberapa kawasan perumahan awam (PA) baru bagi penempatan setingan dengan menyediakan rumah mampu milik hampir 1, 620 unit kepada mereka yang layak mendudukinya.

Beliau berkata, pihaknya sudah mengenalpasti tapak pembangunan terbabit termasuk empat kawasan bakal memulakan pembinaan tahun depan iaitu PA Kampung Wira Jaya, Setapak dengan kos RM10 juta, PA India Settlement, Kampung Pandan (RM10 juta), PA Sungai Udang, Segambut (RM5 juta) dan PA Kos Rendah Setia Jaya, Setapak (RM10 juta).

“Setakat ini, kos pembangunan dianggarkan sebanyak RM230.8 juta dan bagi tahun depan, empat PA akan dibangunkan membabitkan kos hampir RM35 juta,” katanya.

Beliau berkata, DBKL turut memperuntukkan RM5 juta bagi membeli 350 unit rumah ditawarkan YTL Corporation bagi tujuan sama untuk penempatan 90 keluarga setingan yang masih tinggal di Sentul dan selebihnya dijual kepada orang awam.